

Rujukan Kami : USM.JB.PB.G.2/2023  
Tarikh : 27 Oktober 2023

Universiti Sains Malaysia  
11800 USM Pulau Pinang  
T: 04-653 3131 / 04-653 4288  
F: 04-658 8205  
E: bursar@usm.my  
L: bursary.usm.my / www.usm.my

**Kepada:**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Dan Staf  
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2023:  
SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (SMARTPHONES)  
BAGI STAF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2023 - Skim Pembiayaan Komputer Dan Telefon Pintar (Smartphones) Bagi Staf Universiti Sains Malaysia** dikeluarkan untuk menjelaskan secara terperinci prosedur pinjaman untuk perhatian dan rujukan YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan.

3. Prosedur pinjaman yang ditambahbaik bagi melancarkan permohonan pinjaman adalah seperti berikut:

- i. **Pemohon boleh kemuka sebutharga daripada mana-mana pembekal termasuk sebutharga dalam talian;**
- ii. **Pemohon tidak perlu kemuka inbois selepas kelulusan pinjaman; dan**
- iii. **Bayaran pinjaman akan dikreditkan ke akaun bank pemohon.**

4. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai **1 November 2023** dan dengan pengeluaran pekeling ini, pekeling-pekeling berikut adalah terbatal:

- i. Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2018 – Skim Pembiayaan Komputer Dan Telefon Pintar (*Smartphones*).
- ii. Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2021 – Garis Panduan Permohonan Pinjaman Komputer Dan Telefon Pintar (*Smartphones*).

Kerjasama dan keperihatinan YBhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan memanjangkan hebahan ini kepada semua di bawah seliaan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAFIZAL ABD RAHIM)  
Bendahari

s.k. Naib Canselor

RAR/ZZ/SAZ/dn/naa





---

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2023**

---

**SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (*SMARTPHONES*)  
BAGI STAF UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**TARIKH KUAT KUASA:  
1 NOVEMBER 2023**

**Diedarkan kepada:  
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Dan Staf  
Universiti Sains Malaysia**

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 TAHUN 2023:  
SKIM PEMBIAYAAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR (*SMARTPHONES*) BAGI STAF  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

## **1. TUJUAN**

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan:

- 1.1 Kemudahan pembiayaan komputer dan telefon pintar (*Smartphones*) kepada staf Universiti Sains Malaysia berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP9.1 Peraturan-Peraturan Dan Syarat-Syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Anggota Perkhidmatan Awam.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Kemudahan pembiayaan komputer bagi pegawai Perkhidmatan Awam diperkenalkan semenjak pelaksanaan Sistem Saraan Baru Perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1992.
- 2.2 Kemudahan pembiayaan telefon pintar (*Smartphones*) pegawai Perkhidmatan Awam telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016 oleh YAB Menteri Kewangan Malaysia.
- 2.3 Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, semakan semula telah dibuat terhadap syarat-syarat Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) tersebut.

Terdapat dua jenis Skim Pinjaman Komputer yang disediakan oleh Universiti Sains Malaysia kepada staf.

- a) Skim Pinjaman Komputer Sistem Saraan Baru (SSB)
- b) Skim Pinjaman Komputer Universiti Sains Malaysia

## **3. TAFSIRAN**

- 3.1 “Komputer” bererti suatu sistem elektronik yang dapat memanipulasi data dengan cepat dan tepat serta dirancang dan diorganisasikan secara automatik di dalam menerima, memproses dan menghasilkan output berdasarkan arahan-arahan yang sudah disimpan di dalam sistem memori.
- 3.2 “Telefon Pintar” bererti telefon bimbit yang mempunyai ciri pengkomputeran maju dan ketersambungan berbanding dengan telefon bimbit biasa. Telefon pintar membolehkan penggunaannya memasang aplikasi canggih di dalamnya berasaskan pelantar telefon seperti *Symbian, Android, iOS, Windows Phone* atau yang

seumpama dengannya. Ia juga menggunakan sistem pengendalian yang menyediakan satu pelantar untuk membina aplikasi.

#### **4. SKIM PINJAMAN KOMPUTER DAN TELEFON PINTAR**

##### **4.1 Skim Pinjaman Komputer Sistem Saraan Baru (SSB)**

###### **4.1.1 Amaun Pembiayaan**

4.1.1.1 Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000.00) sahaja (bagi salah satu atau kombinasi kedua-duanya).

###### **4.1.2 Pembelian Komputer**

4.1.2.1 Pembelian komputer yang dibenarkan adalah pembelian komputer baharu termasuk perkakasan dan perisiannya.

4.1.2.2 Komputer bagi maksud pekeliling ini dikelaskan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- a) komputer *desktop*;
- b) komputer riba; dan
- c) komputer *tablet*.

4.1.2.3 Perkakasan bagi maksud pekeliling ini dikelaskan kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

- a) mesin pencetak;
- b) mesin pengimbas; dan
- c) peranti pelbagai fungsi (*multifunction device*).

4.1.2.4 Permohonan untuk membuat pembelian lebih daripada satu unit komputer adalah dibenarkan tetapi bukan dari kategori komputer yang sama.

4.1.2.5 Permohonan untuk pembelian komputer bersama lebih dari satu unit perkakasan adalah dibenarkan tetapi bukan dari kategori perkakasan yang sama.

4.1.2.6 Pembelian komputer di bawah pakej jalur lebar dibenarkan tetapi pembiayaan tidak termasuk bayaran langganan bulanan.

### 4.1.3 Pembelian Telefon Pintar (*Smartphones*)

- 4.1.3.1 Pembelian telefon pintar (*Smartphones*) yang dibenarkan adalah pembelian telefon pintar (*Smartphones*) baharu termasuk perkakasan tambahan.
- 4.1.3.2 Permohonan untuk membuat pembelian lebih daripada satu unit telefon pintar adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 4.1.3.3 Pembelian telefon pintar (*Smartphones*) di bawah pakej jalur lebar dibenarkan tetapi pembiayaan tidak termasuk bayaran langganan bulanan.
- 4.1.3.4 Urus niaga pembelian telefon pintar (*Smartphones*) hendaklah dilakukan di dalam Malaysia.

### 4.1.4 Syarat-Syarat Pembiayaan

- 4.1.4.1 Pinjaman ini ditawarkan kepada semua staf Universiti Sains Malaysia yang bertaraf tetap.
- 4.1.4.2 Pinjaman adalah bagi membeli komputer/ telefon pintar (*Smartphones*) mengikut kelayakan dan kemampuan seseorang staf.
- 4.1.4.3 Pembelian komputer/ telefon pintar (*Smartphones*) yang dibenarkan adalah pembelian komputer/ telefon pintar (*Smartphones*) baharu termasuk perkakasan dan perisiannya.
- 4.1.4.4 Pinjaman hanya boleh diberi kepada staf setiap tiga tahun sekali dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan dengan sepenuhnya.
- 4.1.4.5 Pinjaman kepada staf yang layak hendaklah dijamin oleh seorang pegawai dalam Kumpulan Perkhidmatan yang sama atau lebih tinggi, dan telah disahkan dalam jawatan.
- 4.1.4.6 Jumlah potongan ansuran bulanan untuk pembelian komputer/ telefon pintar (*Smartphones*) berkenaan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok peminjam dan jumlah semua potongan gaji hendaklah tidak melebihi 60% daripada jumlah gaji pokok, imbuhan tetap dan elaun bantuan sara hidup.
- 4.1.4.7 Peminjam adalah dibenarkan untuk memohon pinjaman/ pembiayaan bagi pembelian komputer atau telefon pintar (*Smartphones*) atau kedua-duanya sekali di dalam satu borang permohonan dengan syarat amaun permohonan tidak melebihi RM5,000.00.
- 4.1.4.8 Sekiranya harga belian komputer dan telefon pintar (*Smartphones*) tersebut melebihi amaun pinjaman/ pembiayaan maksimum, peminjam hendaklah menjelaskan sendiri amaun bayaran baki.

4.1.4.9 Peminjam adalah tidak dibenarkan untuk memohon pinjaman/ pembiayaan komputer dan telefon pintar (*Smartphones*) menggunakan dua borang yang berasingan pada satu serahan permohonan.

4.1.4.10 Setiap permohonan pinjaman/ pembiayaan akan dibawa kepada Jawatankuasa Pinjaman Universiti (Kenderaan & Komputer) / Bendahari mengikut senarai permohonan untuk pertimbangan dan kelulusan.

#### **4.1.5 Bayaran Perkhidmatan Pinjaman**

4.1.5.1 Bayaran perkhidmatan sebanyak 4% setahun yang dikira atas baki bulanan yang belum selesai adalah dikenakan kepada peminjam sedia ada yang masih aktif (sebelum kelulusan 1 Januari 2022).

4.1.5.2 Bayaran perkhidmatan sebanyak 2% setahun yang dikira atas baki bulanan yang belum selesai adalah dikenakan kepada peminjam baharu yang diluluskan mulai 1 Januari 2022.

4.1.5.3 Bayaran perkhidmatan tidak dikenakan ke atas baki pinjaman peminjam yang telah meninggal dunia.

#### **4.1.6 Bayaran Balik Pinjaman**

4.1.6.1 Cara-cara pembayaran balik pinjaman komputer/ telefon pintar (*Smartphones*) adalah seperti berikut:-

- a) Tempoh bayaran balik adalah tidak melebihi 48 bulan (4 tahun).
- b) Bayaran balik dibuat secara ansuran melalui potongan gaji bulanan dan kadar bayaran ansuran adalah seperti yang telah ditetapkan dalam surat arahan potongan gaji.
- c) Baki pinjaman/ pembiayaan boleh diselesaikan lebih awal dari tempoh yang ditetapkan di atas. Peminjam perlu memberi notis satu bulan sekiranya berhasrat untuk menyelesaikan pinjaman lebih awal dari dijadualkan.
- d) Baki pinjaman/ pembiayaan hendaklah diselesaikan sepenuhnya setahun sebelum peminjam bersara atau meninggalkan perkhidmatan. Dengan yang demikian tempoh maksimum pinjaman/ pembiayaan hendaklah tidak melebihi baki tempoh perkhidmatan peminjam dengan Universiti.
- e) Baki pinjaman/ pembiayaan bagi peminjam yang meninggal dunia atau diadjudikasi sebagai seorang bankrap, baki harga jualan hendaklah diselesaikan melalui cara berikut:
  - i. Diselesaikan oleh si waris secara sekaligus; atau
  - ii. Dituntut daripada Penjamin; atau

- iii. Ditolak daripada award wang tunai atau apa-apa bayaran yang perlu dibayar kepada peminjam; atau
- iv. Dikutip melalui ganjaran yang akan dibayar oleh kerajaan

Universiti berhak menuntut baki pinjaman/ pembiayaan daripada salah satu atau kesemua pihak yang disebut di atas.

- f) Baki pinjaman/ pembiayaan peminjam yang meletak jawatan/ meninggalkan perkhidmatan/ ditamatkan perkhidmatan hendaklah diselesaikan secara sekaligus sebelum tarikh meninggalkan perkhidmatan atau dituntut daripada penjamin sekiranya peminjam tidak dapat dikesan.
- g) Potongan gaji akan dibuat selepas tempoh 2 bulan dari tarikh pembayaran dibuat kepada pembekal. Sebagai contoh bagi pembayaran yang dibuat pada bulan Januari, potongan hendaklah bermula dari gaji bulan Mac.

## **4.2 Skim Pinjaman Komputer Universiti Sains Malaysia**

### **4.2.1 Amaun Pembiayaan**

- 4.2.1.1 Amaun pembiayaan maksimum adalah sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu Lima Ratus (RM3,500.00) sahaja.

### **4.2.2 Syarat-syarat Pinjaman**

- 4.2.2.1 Pinjaman adalah dihadkan kepada staf-staf berjawatan kontrak dalam Kumpulan A dan B sahaja.
- 4.2.2.2 Pinjaman adalah bagi membeli komputer mengikut kelayakan dan kemampuan seseorang staf.
- 4.2.2.3 Pinjaman hanya boleh diberi kepada staf sekali sahaja dalam tempoh tiga tahun dengan syarat pinjaman yang ada telah diselesaikan dengan sepenuhnya.
- 4.2.2.4 Pinjaman kepada staf yang layak hendaklah dijamin oleh seorang pegawai dari Kumpulan A atau B dalam Kumpulan Perkhidmatan yang sama atau lebih tinggi, dan telah disahkan dalam jawatan.
- 4.2.2.5 Jumlah potongan bulanan untuk pembelian komputer berkenaan hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada gaji pokok dan jumlah semua potongan gaji hendaklah tidak melebihi 60% dari jumlah gaji serta elaun-elaun.

### 4.2.3 Bayaran Perkhidmatan Pinjaman

- 4.2.3.1 Bayaran perkhidmatan sebanyak 4% setahun yang dikira atas baki bulan yang belum diselesaikan.
- 4.2.3.2 Bayaran perkhidmatan tidak dikenakan ke atas baki pinjaman peminjam yang telah meninggal dunia.

### 4.2.4 Bayaran Balik Pinjaman

- 4.2.4.1 Cara-cara pembayaran balik pinjaman komputer adalah seperti berikut:-
  - a) Tempoh bayaran balik pinjaman ialah 18 bulan.
  - b) Pinjaman hendaklah diselesaikan sepenuhnya sebelum seseorang staf itu bersara atau meninggalkan perkhidmatan, atau tamat tempoh kontraknya.
  - c) Baki pinjaman peminjam yang meninggal dunia, bersara atau meletakkan jawatan, hendaklah diselesaikan dengan cara memotong gaji dari ganjarannya atau dari hasil penjualan komputer; sekiranya bayaran dari waris, atau kedua-dua penjaminnya tidak boleh diperolehi.

## 5. PERATURAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 5.1 Semua permohonan hendaklah dikemukakan melalui Borang Permohonan Pinjaman Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) (JB/1/BR/UPDP-KOMP) seperti di **Lampiran 1**. Borang ini hendaklah diisi dalam **dua (2)** salinan dan dikemukakan kepada Unit Pinjaman Staf, Jabatan Bendahari beserta dengan salinan dokumen-dokumen berikut:-
  - i. Kad Pengenalan pemohon
  - ii. Slip gaji terkini pemohon
  - iii. Kad Pengenalan penjamin
  - iv. Slip gaji terkini penjamin
  - v. Sebutharga (mana-mana pembekal / dalam talian)
- 5.2 Borang permohonan hendaklah ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang diturunkan kuasa.
- 5.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Unit Pinjaman Staf, Jabatan Bendahari untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pinjaman Universiti (Kenderaan & Komputer) / Bendahari.

## 6. PERATURAN-PERATURAN SELEPAS KELULUSAN

- 6.1 Surat kelulusan dikeluarkan selepas permohonan diluluskan oleh Jawatankuasa Pinjaman Universiti (Kenderaan & Komputer) / Bendahari beserta surat setuju terima dan dokumen perjanjian.



- 6.2 Pemohon perlu melengkapkan dokumen perjanjian untuk disetemkan dan adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk membayar nilai cukai setem yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- 6.3 Pemohon yang mendapat kelulusan pembelian hendaklah menyerahkan surat setuju terima dan dokumen perjanjian kepada Unit Pinjaman Staf, Jabatan Bendahari dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat kelulusan.
- 6.4 Bayaran pinjaman akan dikreditkan ke akaun bank pemohon setelah dokumen lengkap diterima.
- 6.5 Sekiranya pemohon gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka kelulusan pinjaman/ pembiayaan akan terbatal dengan sendirinya melainkan peminjam memberi maklumbalas kepada Unit Pinjaman Staf, Jabatan Bendahari dalam tempoh tersebut.
- 6.6 Pinjaman/ pembiayaan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan peminjam.

## 7. PENALTI DAN TINDAKAN SURCAJ

Semua syarat dan peraturan ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh peminjam. Peminjam boleh dikenakan tindakan tatatertib atau surcaj sekiranya gagal mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

## 8. TARIKH KUATKUASA


- i. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 November 2023.
- ii. Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2018 – Skim Pembiayaan Komputer Dan Telefon Pintar (*Smartphones*) dan Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2021 – Garis Panduan Permohonan Pinjaman Komputer Dan Telefon Pintar (*Smartphones*) adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(RAFIZAL ABD RAHIM)  
Bendahari  
27 Oktober 2023